



Kuasai Pedagogi Bahasa Melayu

KEMENJADIAN murid di sekolah sangat bergantung pada kehebatan pedagogi yang dimiliki oleh guru. Hal ini bermakna, pedagogi ialah kemahiran yang paling penting untuk menentukan mutu dan pencapaian kefahaman murid dalam pembelajaran. Pedagogi yang hebat dan cemerlang sudah pasti dapat melahirkan murid yang cemerlang. Oleh hal yang demikian, pedagogi yang baik mempunyai perkaitan yang rapat dengan penguasaan ilmu, sikap, pengalaman dan motivasi yang dimiliki oleh guru.

Guru yang hebat ialah guru yang mampu menjadi pemangkin transformasi pendidikan negara. Penekanan

terhadap usaha untuk melahirkan guru yang kompeten dan berkualiti pedagoginya perlu menjadi keutamaan. Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran, khususnya terhadap pembinaan minda murid akan memberikan impak yang tinggi terhadap pembentukan tingkah laku dan kemenjadian murid. Pedagogi yang baik secara tersurat dan tersiratnya dapat menzahirkan kematangan pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta pembentukan identiti kebangsaan. Hal ini selari dengan harapan aspirasi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Sehubungan dengan itu, pedagogi yang difahami umum

sebagai suatu pendekatan untuk mengajar murid, sama ada secara teori atau amalan mendidik, mempunyai takrifan yang luas. Takrifan ini meliputi hubungan antara strategi, pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran dengan budaya pembelajaran murid yang dipengaruhi oleh persekitaran murid. Takrifan yang luas ini bertujuan untuk membangunkan keseimbangan kemahiran dan sikap guru dalam konteks kemenjadian sahsiah dan pembentukan kecemerlangan ilmu murid.

Sarjana pendidikan telah bersepakat bahawa konsep pedagogi merujuk kaedah dan amalan guru ketika menyampaikan kurikulum (ilmu) kepada murid. Konsep yang luas cakupan maknanya ini turut

terujuk amalan gaya pengajaran yang melibatkan daya seni, sikap, sikap mahupun maklumat dan penilaian, sama ada dari teori mahupun praktikal. Pedagogi dibentuk oleh kepercayaan pengajaran guru yang melibatkan pemahaman guru tentang budaya dan gaya pembelajaran yang berbeza-beda.

Selain itu, pedagogi juga merujuk cara mengajar, kerana ada teori atau amalan pendidikan, yang berkait rapat antara budaya dengan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran. Oleh itu, pengertian pedagogi yang dimaksudkan ini merupakan satu proses pemindahan ilmu yang membolehkan murid mendapat kefahaman yang menyeluruh dan membantu murid mengaplikasikan pembelajaran dalam kehidupan seharian di dalam atau di luar bilik darjah.

Bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, pedagogi yang dikaitkan ini menekankan pembelajaran yang mendalam melalui pembelajaran berasaskan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Contohnya, pendekatan inkuiri, penyelesaian berasaskan masalah, dan pembelajaran kolaboratif. Pendekatan ini seiring dengan kurikulum Bahasa Melayu yang menggunakan pendekatan berbentuk modular dan menekankan pentaksiran secara holistik dan berterusan.

Pendekatan ini juga dapat mencungkil potensi murid untuk meneroka pelbagai bidang ilmu pengetahuan, memperkembang dan menilai

keupayaan penguasaan kemahiran berbahasa dengan cara mempamerkan keterampilan dan kecekapan berbahasa. Kandungan kurikulum Bahasa Melayu tersebut digubal untuk melengkapi murid dengan keterampilan berbahasa, seterusnya membolehkan murid mampu berkomunikasi. Hal ini juga penting untuk memastikan murid dibekalkan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan dengan keperluan semasa bagi menghadapi cabaran pendidikan abad ke-21.

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Bahasa Melayu telah dirancang semula sejajar dengan transformasi kurikulum sekolah yang mula digunakan sejak tahun 2011. Kurikulum baharu berasaskan standard kemahiran berbahasa mengandungi tiga aspek penting, iaitu standard kandungan, standard pembelajaran dan standard prestasi. Aspek ini didokumenkan sebagai Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu. Dalam DSKP, terangkum elemen pengetahuan, kemahiran berbahasa dan nilai yang mesti dipelajari dan dikuasai oleh murid.

Penggubalan KSSM telah mengambil kira pedagogi dan pembelajaran yang menyeronokkan. Penggubalan ini dilakukan secara holistik dengan cara mengurangkan orientasi peperiksaan dan memfokuskan penguasaan bahasa yang dinilai melalui penilaian di dalam bilik darjah (PBD).

Fokus utama pembelajaran Bahasa Melayu pada peringkat sekolah adalah untuk menguasai kemahiran literasi dan aplikasi kemahiran berbahasa. Kemahiran ini merangkumi kemahiran bertutur, kemahiran lisan, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Kemahiran inilah yang menjadi teras Standard Kurikulum Bahasa Malaysia DSKP, 2018.

Pernyataan ini sesuai dengan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Penghayatan terhadap bahasa perlu dilakukan oleh guru melalui proses pedagogi yang dapat menjiwai falsafah bahasa, berkasih sayang dan saling hormat-menghormati dalam komunikasi. Semua yang dimaksudkan ini perlu dijemakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan.

Proses pedagogi Bahasa Melayu yang menyeronokkan dan tidak membebankan perlu diperluas. Hal ini dilakukan sehinggalah guru berjaya merangsang dan menarik perhatian murid untuk belajar melalui aktiviti permainan bahasa atau didik hiburan. Kaedah ini berupaya membantu murid menguasai dan menghayati pembelajaran bahasa dengan lebih berkesan.

Dalam pengajaran Bahasa Melayu, elemen pengetahuan pedagogi sering dilihat menjadi tunggak dalam keberkesanan pembelajaran. Hal ini dikatakan demikian kerana pedagogi dapat menyepadukan isi kandungan dalam usaha menyepadukan kefahaman. Antara kefahaman ini

termasuklah cara sesuatu topik, masalah dan isu pengajaran diorganisasikan, diwakili dan diadaptasi berdasarkan minat dan kebolehan murid.

Oleh itu, bagi mencapai tahap ini, guru bahasa Melayu perlu mengintegrasikan lima komponen penting dalam pengajaran dan pembelajaran. Komponen ini terdiri daripada penguasaan pengetahuan isi kandungan, konsepsi terhadap mata pelajaran, pengetahuan tentang kurikulum Bahasa Melayu dan kefahaman murid, pengetahuan tentang strategi pengajaran serta pengetahuan tentang kaedah penilaian.

Selaras dengan perkembangan kurikulum pada masa ini, amalan pedagogi Bahasa Melayu haruslah mencakupi pelbagai keperluan kehidupan harian. Keperluan ini menekankan keupayaan semasa berinteraksi dengan orang lain, keupayaan mengakses maklumat, dan keupayaan untuk memahami bahan bacaan secara tersurat mahupun tersirat. Jika hal ini diperhalus, penekanan pedagogi Bahasa Melayu sebenarnya bergantung pada hasil pembelajaran yang berteraskan kemahiran berbahasa. Kemahiran ini meliputi kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca, dan kemahiran menulis yang digabungkan dengan peraturan bahasa (tatabahasa).

Bagi menjadikan guru Bahasa Melayu itu berada pada tahap berdaya cemerlang, guru itu perlu memiliki pengetahuan tentang strategi pengajaran Bahasa Melayu, dapat mempelbagaikan pendekatan,

kaedah dan teknik yang sesuai dengan objektif pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Oleh itu, guru Bahasa Melayu perlu menyedari bahawa dirinya merupakan pemangkin wadah perjuangan. Perjuangan ini pula adalah untuk membina daya pemikiran yang analitikal, kritis dan kreatif. Menerusi pemikiran ini, terbentuklah individu yang boleh menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku di sekelilingnya.

Oleh hal yang demikian, guru Bahasa Melayu itu sendiri harus menguasai kemahiran dan pengetahuan yang terkini ketika menjalankan tugas sebagai pendidik. Guru Bahasa Melayu harus memfokuskan pedagogi yang dapat menjelmakan daya profesionalisme masing-masing. Profesionalisme tersebut perlu menjadi suatu proses pembelajaran sepanjang hayat. Dalam hal ini, guru perlu menyemak semula, memperbaharu dan melanjutkan komitmen sebagai pemangkin perubahan terhadap kecerdasan pelbagai yang diperlukan dalam pengajaran Bahasa Melayu.

Namun demikian, keunggulan pedagogi guru Bahasa Melayu pada masa ini sangat mencabar apabila bahan dan teknologi menjadi faktor penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Teknologi dilihat menjadi penggerak dan pendorong bagi semua proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang berlaku dalam kalangan murid, sama ada di dalam atau di luar bilik darjah.

Hal ini memerlukan kemahiran kreativiti dan inovasi guru untuk memperkasa bahan

pembelajaran yang berber teknologi. Kemahiran ini di membantu guru melangka batasan keupayaan agar terus maju dalam bidang akademik dan teknologi. Pedagogi ini akhirnya akan dapat membina sifat daya antara guru dengan murid seterusnya meningkatkan kemahiran diri untuk terus maju dalam bidang bahasa. Kesannya, murid dapat mengikuti proses pengajaran dengan lebih mudah apabila guru prihatin terhadap perkembangan dan keperluan semasa murid.

Terdapat lima faktor yang boleh dikaitkan dengan hal ini untuk melihat pedagogi Bahasa Melayu berkembang baik masa akan datang. Pertama, komitmen guru Bahasa Melayu. Kedua, penguasaan kurikulum. Ketiga, penguasaan ilmu bahasa. Keempat, pelaksanaan pengajaran. Kelima, penggunaan konvensyen dan teknologi maklumat.

Penggemblengan faktor-faktor ini sangat penting untuk direalisasikan sekiranya pedagogi Bahasa Melayu ingin dilihat subur dalam wahana pendidikan negara. Dalam hal ini, matlamat yang hendak dicapai dalam pembelajaran Bahasa Melayu adalah untuk melahirkan murid yang berketerampilan berbahasa. Matlamat lain untuk membolehkan murid menghargai serta menghayati bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara, berpaduan dengan bahasa Hal ini selaras dengan tafsiran semangat Rukun Negara dan Falsafah Pendidikan Negara.

n hal ini, guru Bahasa Melayu itu sendiri haruslah menguasai kemahiran dan pengetahuan yang terkini dalam bahasa Melayu untuk memperkaya tugas masing-masing.

Berdasarkan kepentingan kegunaan bahasa Melayu dalam kejuruteraan pedagogi, beberapa aspek boleh dijadikan sebagai kajian. **Pertama**, guru Bahasa Melayu perlu menunjukkan sikap positif tentang pemahaman kegunaan pelbagai strategi, pendekatan, kaedah dan teknik yang bersesuaian dengan keperluan murid dan bersifat terkini. Keperluan untuk melahirkan guru yang kompeten dan berkualiti sangat penting. Hal ini untuk memastikan keberkesanan pembelajaran, pembelajaran pemudahcaraan serta pembentukan kemenjadian murid bersempena dengan pendidikan pada masa ini.

Kedua, guru perlu berhadapan dengan aktiviti yang mencabar dalam konteks penglibatan mesra murid dalam pengajaran. Sebagai perancang dalam pengajaran dan pembelajaran, guru berperanan untuk mewujudkan aktiviti yang dapat memberikan pengalaman kepada murid. Cabaran yang ditonjolkan dalam sesuatu aktiviti akan mendorong murid untuk terus melibatkan diri dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Secara tidak langsung, menerusi cabaran guru dapat mengekalkan motivasi murid dalam suasana yang menyeronokkan.

Ketiga, program intervensi perlu memfokuskan perhatian penyediaan bahan mengajar berbantuan komputer. Hal ini perlu mengambil kira kepelbagaian

keperluan aras murid. Program ini juga perlu mempunyai elemen pembelajaran yang dapat mencorakkan pendidikan Bahasa Melayu ke arah aplikasi komputer secara interaktif.

Keempat, guru perlu kreatif dan inovatif dalam proses pengajaran untuk menjadikan pengajaran lebih menarik dan berkesan. Pembelajaran profesional dan pembudayaan “perkongsian guru” perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa. Hal ini penting sebagai pendedahan, pengalaman, kefahaman dan pengetahuan yang lebih luas tentang amalan pembelajaran yang menyeronokkan. Contohnya, kursus dan bengkel jangka pendek secara berkala. Menerusi kursus dan bengkel ini, guru Bahasa Melayu dipastikan sentiasa dibekalkan dengan pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan dengan kemajuan dalam teknologi pendidikan terkini.

Kelima, sekiranya setiap guru melaksanakan setiap amanah yang dipertanggungjawabkan, masalah buta huruf atau masalah pemulihan dalam kalangan murid mungkin tidak berlaku lagi. Impak amalan pembelajaran menyeronokkan dalam Bahasa Melayu yang lebih ketara meliputi aspek perspektif dan aplikasi pengetahuan responden tentang kaedah mahupun teknik yang efektif. Aplikasi ini mampu meningkatkan prestasi pengajaran, serta dapat meningkatkan ilmu pengetahuan bahasa dan inovasi pedagogi dalam pengajaran bahasa.

Keenam, kursus dalaman pada peringkat sekolah bersama-sama dengan panitia mata pelajaran dan guru Bahasa Melayu mengenai mata pelajaran Bahasa Melayu akan dapat meningkatkan profesionalisme guru dalam pengajaran di bilik darjah. Guru disarankan untuk menghasilkan penulisan kajian tindakan, penghasilan jurnal dan membuat penyelidikan untuk meningkatkan profesionalisme diri. Post-mortem tentang kemahiran dan pengetahuan pedagogi, serta pengajaran sesama guru akan dapat memberikan peluang kepada guru untuk menganalisis diri, seterusnya menyedari tentang kekuatan dan kelemahan diri.

Menerusi cara ini, keberkesanan pedagogi Bahasa Melayu akan setanding dengan pedagogi mata pelajaran lain. Bagi meningkatkan dan memperhebat usaha ke arah amalan pedagogi berkesan, guru perlu memiliki kekuatan daya kreativiti dan inovasi ketika menyampaikan isi pelajaran. Hal ini dapat dilakukan berdasarkan ketajaman idea baharu bagi menjana penguasaan maksimum terhadap pengetahuan dan kefahaman murid.

Kesimpulannya, pedagogi Bahasa Melayu perlu berdiri sama tinggi dengan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik moden yang difikirkan dapat menjadi pelengkap Falsafah Pendidikan Negara. Suka atau tidak suka, pedagogi perlu berubah seiring dengan keperluan zaman yang menuntut keperluan konsep dan idea tanpa menolak usaha memperkasa jati diri bangsa dan negara. 